



**SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 3/2012  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dengan ini memaklumkan bahawa Baginda telahpun mengurniakan titah perkenan bagi Skim Pinjaman Kewangan Perumahan yang baru bagi menggantikan peraturan bantuan kemudahan kewangan untuk memiliki perumahan dibawah Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 11/1993 bertarikh 28hb Julai 1993 seperti keterangan-keterangan berikut.

2. Selepas berkhidmat selama 1 tahun dan baki perkhidmatan adalah tidak kurang daripada 2 tahun dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang pegawai termasuk jawatan tidak tetap dan perkhidmatan dibawah skim Tabung Amanah Pekerja kecuali pekerja bergaji hari dan berkontrak; pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ditauliahkan di bawah Bab 5(1) Undang-Undang Pasukan Askar Melayu 1961 dan seorang parajurit yang bersetuju berkhidmat sebagai tentera sekurang-kurangnya selama 18 tahun, layak memohon Pinjaman Kewangan Perumahan.

3. Pemohon akan dikenakan kos 1% daripada jumlah bantuan Pinjaman Kewangan Perumahan yang dihulurkan. Disamping itu, sebagaimana juga yang terkandung di dalam Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 2/2006 bertarikh 13hb Disember 2006, pemohon adalah dikehendaki untuk mendapatkan takaful/insuran gadai janji dan takaful/insuran kebakaran mengikut yang berkenaan. Dalam hubungan ini, pemohon yang tidak mempunyai takaful/insuran gadai janji adalah dikehendaki untuk mendapatkan seorang penjamin.

4. Jumlah Pinjaman Kewangan Perumahan adalah tertakluk kepada jumlah terendah di antara perkiraan-perkiraan berikut:


4.1 5 tahun (60 bulan) Gaji Pokok berikutan dari tarikh permohonannya;

ATAU

4.2 40% daripada Gaji Pokok bagi tempoh baki perkhidmatan (bulan) tolak 12 bulan berikutan dari tarikh permohonannya, seperti perkiraan berikut:

[ 40% X Gaji Pokok/sebulan X (baki perkhidmatan - 12) bulan ]





7. Jurukira Agung boleh menggunakan budibicara untuk mengurangkan jumlah bantuan Pinjaman Kewangan Perumahan yang akan dihulurkan kepada mana-mana pemohon berdasarkan kepada keupayaan pemohon untuk membuat pembayaran balik bantuan pinjaman yang dihulurkan berkenaan.

8. Pinjaman Kewangan Perumahan di atas adalah khusus untuk perkara-perkara berikut:

8.1 Bagi membiayai pemilikan perumahan mengikut harga bangunan dan termasuk tapak perumahan jika perumahan itu dibeli, tetapi tertakluk kepada anggaran Ketua Pengarah Kerja Raya;

ATAU

8.2 Bagi membiayai pembelian tanah, tetapi dihadkan kepada jumlah maksima pinjaman 2 tahun gaji. Dalam hubungan ini, pegawai dan kakitangan boleh menghadapkan permohonan untuk Pinjaman Kewangan Perumahan bagi membiayai kos pembinaan rumah secara berasingan kemudian. Walaubagaimanapun, jumlah pinjaman akan dihadkan kepada jumlah maksima pinjaman semasa permohonan bantuan bagi pembinaan rumah dihadapkan ditolak dengan jumlah pinjaman tanah yang telah diluluskan;

ATAU

8.3 Bagi pengubahsuaian dan penambahbaikan rumah;

ATAU

8.4 Bagi menjelaskan kos membina/membeli rumah yang dibiayai melalui pinjaman daripada bank atau institusi kewangan; jumlah pinjaman adalah dihadkan kepada baki jumlah pinjaman yang akan dibayar kepada bank atau institusi kewangan yang berkenaan. Walaubagaimanapun, jumlah pinjaman adalah masih tertakluk kepada pengesahan Ketua Pengarah Kerja Raya terhadap nilai rumah berkenaan.

9. Pembayaran balik Pinjaman Kewangan Perumahan ini mestilah dibuat dalam tempoh tidak lebih daripada 30 tahun (360 bulan) ATAU sebulan sebelum tarikh pegawai berkenaan bersara atau menamatkan perkhidmatan, mana-mana yang lebih awal. Walaubagaimanapun, sebahagian pembayaran balik boleh dipertimbangkan untuk dibayar daripada bayaran Baksis atau bagi ahli-ahli Tabung Amanah Pekerja, pada jumlah tidak melebihi 50% daripada



ATAU


- 4.3 Jumlah pinjaman yang layak dihulurkan dibawah perenggan 4.2 di atas boleh dipertimbangkan untuk ditambah dengan jumlah tidak melebihi 50% daripada anggaran Baksis atau Tabung Amanah Pekerja yang bakal pemohon terima apabila mereka bersara atau menamatkan perkhidmatan, tertakluk kepada jumlah keseluruhan tidak melebihi jumlah pinjaman yang layak dihulurkan di bawah perenggan 4.1;

Walaubagaimanapun, jumlah bantuan Pinjaman Kewangan Perumahan seperti keterangan di perenggan 4.1 hingga 4.3 di atas adalah tidak boleh melebihi daripada had jumlah pinjaman sebanyak \$864,000.00.

- 4.4 Bagi orang-orang bergelar, bantuan Pinjaman Kewangan Perumahan adalah dihadkan sekali sahaja kepada sejumlah 15 tahun eluan bergelar diterima;
- 4.5 Bagi Penghulu dan Ketua Kampung, bantuan Pinjaman Kewangan Perumahan adalah dihadkan sekali sahaja seperti berikut:
- Penghulu - \$60,000 atau jumlah bayaran balik tidak melebihi 30% daripada Gaji (tertakluk kepada baki perkhidmatan sebelum mencapai umur 65 tahun); dan
  - Ketua Kampung - \$40,000 atau jumlah bayaran balik tidak melebihi 30% daripada Gaji (tertakluk kepada baki perkhidmatan sebelum mencapai umur 65 tahun).

5. Pinjaman Kemudahan Kewangan ini boleh dibuat sebanyak 2 kali sahaja dalam tempoh perkhidmatan kecuali bagi Orang Yang Bergelar; Penghulu dan Ketua Kampung. Bagi pinjaman kedua, jumlah bantuan yang dipertimbangkan adalah mengikut jumlah terendah diantara perkiraan-perkiraan di perenggan 4.1 hingga 4.3 di atas; dan ditolak dengan jumlah Pinjaman Kewangan Perumahan pertama.

6. Walaubagaimanapun, pinjaman kedua adalah khusus untuk pengubahsuaian dan penambahbaikan rumah di tapak rumah pertama yang dibina/dibeli menggunakan bantuan Pinjaman Kewangan Perumahan dan tidak boleh digunakan bagi pembelian atau pembinaan rumah yang berasingan daripada tapak rumah pertama kecuali atas sebab-sebab tertentu yang dibenarkan oleh Jurukira Agung seperti rumah yang tidak lagi selamat untuk didiami dan sebagainya.



baki Tabung Amanah Pekerja yang bakal mereka terima apabila permohon bersara atau menamatkan perkhidmatan nanti.

10. Bagi permohonan pinjaman untuk membiayai kos jual/beli rumah/tanah, permohonan bantuan pinjaman hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perbendaharaan tidak lebih daripada 24 bulan dari tarikh jual/beli dibuat; atau dari tarikh pertukaran nama pemilik tanah dibenarkan oleh Jabatan Tanah, mana yang lebih awal.
11. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai daripada **25 Sya'aban 1433 bersamaan 15hb. Julai 2012**. Oleh itu, Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 11/1993 bertarikh 28hb Julai 1993 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan hormat,

[ DATO PADUKA HAJI HISHAM BIN HAJI MOHD HANIFAH ]  
 Setiausaha Tetap (Dasar & Pelaburan)  
 Kementerian Kewangan

Rujukan: KKW/X/104

Tarikh: 25 Sya'aban 1433 / 15 Julai 2012

